



# BINA PURI HOLDINGS BHD

Since 1975

---

## PRESS RELEASE

Pelita Brunei, 17 Ogos, 2010

### Bina Puri Holdings Berhad labur BND9.2 juta

JERUDONG, Selasa, 17 Ogos. - Sebuah firma pembinaan dan kejuruteraan yang terkenal dari Malaysia, Bina Puri Holdings Berhad melabur sejumlah BND9.2 juta bagi membaharui dan menaik taraf tiga buah blok pangaspuri yang belum berpenghuni di Jalan Ong Sum Ping di ibu negara menjadi pangaspuri lengkap berperabot moden bagi tempoh 20 tahun.




*PEMANGKU Pengurus BEDB, Dato Paduka Timothy Ong dan Pengurus Bina Puri Holdings Berhad Yang Berbahagia Dato' Ir. Wong Foon menandatangani dokumen perjanjian.  
(Foto : Mohd. Sahrizal Hj. Said)*

Di bawah pelaburan tersebut, Bina Puri Holdings Berhad akan melakukan kerja pembaikan bahagian dalaman dan luar blok serta kawasan-kawasan umum selain membina kemudahan-kemudahan moden termasuk kolam renang, pusat perniagaan, gimnasium dan taman permainan yang dijangka siap dalam tempoh setahun.

Pelaburan di bawah asas rakan kognasi awam itu merupakan yang julung-julung kalinya bagi Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) sebagai komitmen bagi menggalakkan sektor swasta mengambil bahagian dalam pembangunan ekonomi negara.

Projek berkenaan juga memberi nilai tambah bagi pihak kerajaan yang mana Bina Puri Holdings Berhad akan menyediaan jaminan pembayaran tahunan sebagai sebahagian dari pelaburan.



**PEMANGKU Pengerusi BEDB, Dato Paduka Timothy Ong bertukar dokumen perjanjian bersama Pengerusi Bina Puri Holdings Berhad, Yang Berbahagia Dato' Ir. Wong Foon Meng.** (Foto : Mohd. Sahrizal Hj. Said)

Menandatangani bagi pihak BEDB, Pemangku Pengerusinya, Dato Paduka Timothy Ong disaksikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif BEDB, Vincent Cheong.

Manakala menandatangani bagi pihak Bina Puri Holdings Berhad pula ialah Pengerusinya, Yang Berbahagia Dato' Ir. Wong Foon Meng disaksikan oleh Pengarah Urusan Kumpulan Bina Puri, Yang Berhormat Senator Tan Sri Datuk Tee Hock Seng.

(Oleh : Bolhassan Hj. Abu Bakar)

Penolong Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Bahagian Rakan Kongsi Umum BEDB, Desmond Lim berkata, pelaburan itu menandakan keyakinan yang ditunjukkan oleh sektor awam dalam pembinaan pemilikan bangunan di Negara Brunei Darussalam dan berharap akan memberi banyak faedah dalam rakan kongsi awam.

Sehubungan dengan itu Majlis Penandatanganan Perjanjian di antara BEDB dengan Bina Puri Holdings Berhad berlangsung hari ini di The Empire Hotel and Country Club, di sini.

For further enquiries, please contact :

Cik. Surati Sujor  
Corp Communications Dept  
**BINA PURI HOLDINGS BHD**  
Tel : 03-6136 3333 (3005)  
Fax : 03-6136 9999  
E-mail : [surati@binapuri.com.my](mailto:surati@binapuri.com.my)